

23 NOV 2001

Agong-Takziah

RAJA FAHD ANTARA PEMIMPIN DUNIA UTUS UCAPAN TAKZIAH

DUBAI, 23 Nov (Bernama) -- Raja Arab Saudi Raja Fahd bin Abdul Aziz ialah antara beberapa pemimpin dunia yang mengutus ucapan takziah di atas kemangkatan Yang di-Pertuan Agong ke-11 Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Pemimpin lain termasuk Presiden Iran Mohammed Khatami dan Presiden Emiriah Arab Bersatu (UAE) Sheikh Zayed bin Sultan Al Nahyan.

Semua perutusan itu dihantar kepada Timbalan Yang di-Pertuan Agong Sultan Mizan Zainal Abidin dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam perutusannya kepada Perdana Menteri, Presiden Mohammed Khatami mendoakan semoga roh Almarhum diberkati Allah.

Naib Presiden UAE dan Pemerintah Dubai Sheikh Maktoum Bin Rashid Al Maktoum serta Pemerintah Sharjah Dr Sheikh Sultan Bin Mohammed Al Qasimi turut mengutus ucapan takziah kepada Sultan Mizan dan Dr Mahathir.

Putera Mahkota Arab Saudi Putera Abdullah Bin Abdul Aziz dan Menteri Pertahanan Putera Sultan Bin Abdul Aziz juga menghantar perutusan serupa.

Sementara itu, masyarakat Malaysia di UAE terkejut dan sedih di atas kemangkatan Seri Paduka.

Yang di-Pertuan Agong sepatutnya dijadualkan melawat UAE pada September lepas tetapi tidak dapat disempurnakan.

Sementara itu, pemangku Perdana Menteri New Zealand Jim Anderton dalam satu kenyataan berkata kemangkatan Seri Paduka adalah sesuatu yang menyedihkan bagi Malaysia dan New Zealand.

"Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong diharap dapat mengadakan lawatan negara ke New Zealand pada Januari tahun depan dan saya berasa sedih kami tidak dapat mengalu-alukan kunjungan Seri Paduka. Yang di-Pertuan Agong sendiri mahu melawat New Zealand."

"Kami ingin menyampaikan rasa simpati kami kepada keluarga diraja Seri Paduka terumatanya Raja Permaisuri Agong, serta kepada kerajaan dan rakyat Malaysia pada saat perkabungan negara ini," katanya.

Sultan Salahuddin mangkat pada 11.57 pagi Rabu lepas di Pusat Perubatan Gleneagles Intan di Kuala Lumpur.

Sementara itu, di Kuala Lumpur, Presiden Perancis Jacques Chirac dalam perutusan takziah kepada Sultan Mizan berkata beliau sedih mendengar berita tentang kemangkatan Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj.

"Dengan ini, saya bagi pihak rakyat Perancis, ingin menyampaikan ucapan takziah kepada Baginda dan rakyat Malaysia," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Kedutaan Perancis di sini, hari ini.

Sementara itu, Presiden Turki Ahmad Needet Sezer dalam perutusan takziahnya kepada Sultan Mizan berkata beliau sedih dengan kemangkatan Seri Paduka.

"Bagi pihak rakyat Turki dan saya sendiri, ingin mengucapkan takziah kepada Sultan Mizan dan rakyat Malaysia.

"Semoga Allah s.w.t. mencucuri rahmat ke atas almarhum," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Kedutaan Turki di sini.

Presiden Bangladesh Badruddoza Chowdhury hari ini menyampaikan ucapan takziah dengan kemangkatan Sultan Salahuddin.

Badruddoza datang ke Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Dhaka bagi menandatangani buku takziah.

Selepas menandatangani buku itu, beliau bertafakur di hadapan potret Almarhum Sultan Salahuddin dan berdoa agar roh Almarhum dirahmati Allah.

Ketibaan Badruddoza di bangunan Suruhanjaya Tinggi itu disambut oleh

Loh Seck Tiong, Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Malaysia. Presiden diiringi pegawai tinggi Kementerian Luar Bangladesh.

Perdana Menteri Bangladesh Begum Khaleda Zia turut mengucapkan takziah dengan kemangkatan Almarhum Yang di-Pertuan Agong.

Dalam perutusannya kepada rakan sejawatannya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau berkata: "Kemangkatan Sultan Salahuddin Abdul Aziz merupakan kehilangan besar bukan sahaja kepada Malaysia tetapi juga rantau ini dan umat Islam".

Khaleda Zia turut menyampaikan rasa simpati kepada anggota keluarga Almarhum dan rakyat Malaysia bagi pihak kerajaan dan rakyat Bangladesh.

Buku takziah di Suruhajaya Tinggi Malaysia di Dhaka dibuka pada pagi Khamis sehingga tengah hari, hari ini.

Ketua misi semua negara-negara Asean dan misi asing lain di Dhaka turut menandatangani buku takziah itu.

Pemimpin politik dan orang kenamaan turut datang ke Suruhanjaya Tinggi itu bagi mengucapkan takziah.

-- BERNAMA

FA SHB AKT RHM